

# Family Variables and Self Concept Variables (Part 13)

Siti Sarawati Binti Johar

## 4.6 Kajian Alfred Adler ( 1931 dalam Hjelle Ziegler, 1992 )

Alfred Adler dikesan telah menjalankan banyak kajian tentang susunan kelahiran manusia dan kolerasinya dengan proses pembentukan personaliti dan konsep sendiri.<sup>i</sup> Persepsi anak tentang situasi dan di mana dia dilahirkan adalah penting. Contohnya di sini, anak kelahiran pertama biasanya mendapat tempat istimewa kerana kehadirannya di muka bumi ini sememangnya dinantikan oleh ibu bapa dengan penuh harapan. Oleh itu, besar kemungkinan anak ini apabila melalui proses membesar, akan wujud rasa seperti superior. Situasi berubah apabila muncul anak kedua iaitu adik kepada yang sulung, lalu menimbulkan rasa cemburu dan sering berusaha untuk meraih kembali perhatian ibu bapa kepadanya berbanding anak yang kedua. Akan tetapi, jika usahanya kurang berjaya, maka si sulung mulai mengasingkan diri dan mula membentuk sikap konservatif. Anak yang kedua pula dibentuk persepsinya tentang abang atau kakak. Mungkin yang kedua ini lebih bersemangat kompetitif jika ada unsur dendam, dengki dan permusuhan.

Menurut kajian ini juga, anak bongsu didapati kebiasaannya agak manja, walau bagaimanapun mereka juga mempunyai keinginan yang kuat untuk lebih baik dari abang atau kakak. Oleh sebab itu, biasanya anak bongsu akan mempunyai masa depan yang cerah dan karier yang berjaya dan profesional. Posisi untuk anak tunggal pula dikesan menghadapi persaingan dengan ibu bapanya dan mereka memiliki rasa yang superioriti, kurang rasa bekerjasama dan agak bermasalah dalam berinteraksi dengan rakan sebaya disebabkan wujudnya rasa untuk mendominasi pihak lain.

CONTINUE...